



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berbual mesra dengan bekas2 perajurit

● Kemesraan antara seorang pemimpin dan rakyat jelata jelas terbayang dalam foto di atas.

Memang begitulah hakikatnya, seorang pemimpin harus mendampingi rakyat yang meletaknya di teraju pimpinan negara.

Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang kekal memegang jawatan Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri berbual mesra dengan ahli-ahli bekas perajurit cawangan Bahagian Wilayah Persekutuan.

Dalam pertemuan singkat itu, bekas-bekas perajurit itu berpeluang mengucapkan tahniah kepada Datuk Abdullah di atas kemenangan beliau dalam pilihanraya baru lalu dan atas perlantikan terus beliau sebagai Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Abdullah sebelumnya merasmikan mesyuarat agung keenam Persatuan Bekas Perajurit Malaysia Bahagian Wilayah Persekutuan di sebuah hotel di Kuala Lumpur semalam.

Foto: F.K. Tham.